

Perpaduan Mengekalkan Keharmonian

Langkah-langkah Memupuk Semangat Perpaduan dalam Kalangan Masyarakat



01

Rakyat Malaysia seharusnya menghindari apa-apa tindakan yang boleh mencetuskan provokasi kaum.

02

Rakyat Malaysia digalakkan supaya melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan program kemasyarakatan.

03

Dalam institusi keluarga, ibu bapa merupakan entiti mithali kepada anak dan perlu menunjukkan teladan baik. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah daripada rebungunya.

04

Pihak media massa hendaklah menyebarkan mesej positif tentang kepentingan perpaduan.

05

Konsep rumah terbuka sangat efektif untuk memupuk perpaduan kerana secara tidak langsung dapat mendedahkan keunikan adat resam kaum lain kepada masyarakat yang seterusnya mewujudkan persefahaman antara kaum .

06

Melalui pengajaran subjek Pendidikan Moral dan Sivik Kewarganegaraan, barisan pendidik dapat memberikan bimbingan dan nasihat yang berterusan untuk memupuk nilai perpaduan dalam generasi muda.